

Pesakit yang pulih sepenuhnya bertanggungjawab menjaga rakan-rakan lain.



GERARD

Di bangunan inilah pesakit-pesakit HIV pelbagai kaum dan agama yang disisih keluarga berindung.

Welcome Home Community

kembalikan harapan pesakit HIV

Oleh IZRA ABD RAHMAN
izra@thestar.com.my

ditemuramah *Mingguan mStar*.
Rumah perlindungan HIV
yang terbesar di Malaysia ini

menunaikan solat Jumaat di
masjid," katanya.
Namun, aspek penjagaan

di luar sana," katanya.
Berdasarkan pemerhatian,
Anthony tidak menafikan



SEBUAH lagi penempatan yang ditubuhkan dengan matlamat membantu memulihkan pesakit Aids/HIV ialah Welcome Community Home yang terletak di Batu Arang, Selangor.

Sama seperti Rumah Perlindungan HIV Darul Ukhuwah, kedua-dua penempatan ini bukan sahaja menawarkan perlindungan, malah turut mementingkan penjagaan sempurna pesakit terutama yang hilang arah serta tiada tempat berteduh.

Walaupun masing-masing giat memperjuangkan hak pesakit HIV, sedikit perbezaan wujud di antara Darul Ukhuwah dan Welcome Community Home.

Di Darul Ukhuwah penghuninya dibiasakan dengan gaya hidup Islamik manakala Welcome Community Home pula menentang konsep bebas dan bersifat universal.

"Kita membuka pintu untuk semua pesakit HIV tidak kira bangsa dan agama. Ini sebagai tanda kita amat menghormati sesama manusia dan tidak membezakan antara satu sama lain," kata Pentadbir Welcome Community Home, Anthony Gomez ketika

mula menerima pesakit HIV secara rasminya pada 1998 lantaran 10 penagih dadah yang dilindungi selama lima tahun sebelum itu tiada tempat untuk meneruskan hayat masing-masing.

"Mereka yang ketika itu berlindung di sebuah pusat perlindungan di Bukit Nenas, Kuala Lumpur dipindahkan ke sebuah rumah di Batu Arang.

"Melihat penderitaan mereka menghidap HIV, selain jumlah pesakit bernasib sama semakin bertambah, mereka dipindahkan ke bangunan ini pada 2008," Anthony menceritakan sejarah dan latar belakang penubuhan pusat perlindungan ini.

Dua insan yang bertindak sebagai pengasas dengan memulakan aktiviti kebajikan ini ialah Anthony Rogers dan Alex Arokiam.

Seiring dengan prinsip dan ajaran Katolik yang dianuti, amat penting sekali untuk mereka mempraktikkan fahaman tersebut dengan memberi kasih-sayang kepada pesakit dan menjaga maruah sesama manusia.

Menurut Anthony, terdapat lima pendekatan yang diterapkan



Menjahit menjadi salah satu aktiviti penghuni di sini.

terhadap semua penghuni di sini iaitu mengutamakan Tuhan, kesihatan, makanan, senaman dan kepentingan mengambil berat antara satu sama lain.

Setiap hari, penghuni bebas bergaul dan melakukan aktiviti harian selain digalakkan menunaikan ibadat mengikut agama masing-masing.

"Hari Jumaat kita akan hantar dan jemput mereka yang mahu

kesihatan dan mengambil berat mengikut jadual paling dititik beratkan oleh pengurusan pusat perlindungan ini.

Sehingga kini, pusat perlindungan ini mempunyai 38 penghuni yang terdiri daripada kaum Cina, India, Melayu dan lain-lain.

Cabaran tetap ada

Di bangunan dua tingkat yang terletak di tanah berkeluasan dua ekar itu, setiap penghuni perlu melakukan kerja-kerja ringan seperti menyapu dan membersihkan kediaman.

"Setiap penghuni ada tugas masing-masing walau tidak tetap. Melakukan kerja-kerja, walaupun ringan penting untuk perkembangan minda," katanya.

Satu perkembangan positif apabila terdapat juga penghuni yang telah pulih 'dilantik' sebagai salah seorang sukarelawan di situ bagi membantu rakan-rakan lain.

"Kita juga buat projek khas bagi membuka peluang pekerjaan buat penghuni yang mampu bekerja. Projek seperti penternakan ayam dibuat memandangkan mereka sukar diterima bekerja oleh majikan

masyarakat hari ini masih sukar menerima pesakit-pesakit HIV walaupun mereka telah pulih dan mampu hidup normal.

Malah, timbul juga masalah dalam mencari sukarelawan dan pekerja yang sanggup berkhidmat dengan badan kebajikan itu.

"Tetapi kita amat beruntung kerana ramai juga doktor yang menganut fahaman Katolik. Mereka sudi membantu faham tentang kerja kebajikan," katanya yang juga berkhidmat secara sukarela di situ selepas bersara.

Welcome Home Community dikendalikan oleh tiga jururawat berkelayakan, lima penjaga dan doktor serta kaunselor yang datang mengikut jadual.

Selain itu, terdapat juga pasangan suami-isteri dari Perancis, Gerard dan Beatrice yang menghulurkan khidmat secara sukarela di negara ini.

Secara purata, pusat perlindungan ini membelanjakan lebih daripada RM500 ribu setahun bagi menampung keperluan makan minum, penjagaan dan operasi.

Peruntukan diterima daripada Majlis Aids Malaysia (MAC) dan komuniti Katolik itu sendiri.



Setiap penghuni digalakkan melakukan kerja-kerja ringan.



Penghuni diberi makanan yang baik dan menyihatkan.



Anthony (berdiri dua dari kiri) sedang beramah mesra dengan penghuni-penghuni.

Dulu saya pun **takut dengan pesakit HIV/AIDS** - Pengasas Darul Ukhuwah

Lenyapkan stigma masyarakat terhadap pesakit HIV

Oleh **IZRA ABD RAHMAN**
izra@thestar.com.my

"SAYA tak malu dengan awak, jadi awak tak perlu rasa malu atau rendah diri."

Ayat keramat itu sering diulang Muhamad Abdullah, 34, kepada penghuni Darul Ukhuwah setiap kali dia membawa mereka ke majlis kemasyarakatan dengan harapan ia mampu membina kembali keyakinan mereka.

Sebagai tonggak utama penubuhan Rumah Perlindungan HIV Darul Ukhuwah, Muhamad bersama Yayasan Al-Ijabah mempunyai misi yang cukup ringkas namun mampu memberi 1001 makna terhadap pesakit Aids/HIV terutama yang disisih keluarga.

"Saya mahu mereka diterima dan masyarakat sedar mengapa golongan ini perlu diterima," ucapnya ketika ditemui *Mingguan mStar*.

Muhamad atau lebih popular dengan sapaan Ustaz Amin terlibat dengan kerja kebajikan sejak 2003. Dia pernah ke Pakistan dan Indonesia bagi membantu mangsa bencana di sana.

Pada 2005 pula, Rumah Anak Yatim Dan Tahfiz Al-Ijabah ditubuhkan dengan jumlah penghuni seramai 80 orang.

Berbicara tentang Darul Ukhuwah yang

mula beroperasi pada Ogos 2009, idea menubuhkannya timbul selepas Muhamad memberi ceramah kepada 14 pesakit HIV Muslim yang berlindung di sebuah penempatan pesakit HIV di Batu Arang, Selangor yang dikendalikan oleh pekerja kebajikan beragama Kristian.

"Sesi ceramah akhirnya jadi sesi suai kenal sahaja. Nak bagi ceramah apa? Islam dan kasih sayang?"

"Kalau topik itu, kenapa bukan kita yang jaga mereka?," katanya yang mengaku tergamam pada masa itu.


Melihat skenario itu, tiada rasa marah di hati Muhamad, baik kepada keluarga pesakit, mahu pun kepada masyarakat yang menganggap pesakit HIV sebagai golongan yang tidak wajar dibantu.

Mempunyai sarjana dalam bidang Undang-Undang Syariah dari sebuah universiti di Mesir, dia sedar dengan kemarahan dan menyalahkan antara satu sama lain, nasib pesakit Aids/HIV tidak akan terbelah.

Justeru, dia bertindak segera menubuhkan sebuah penempatan berkonsep sama, tetapi menggunakan pendekatan lebih Islamik.

"Saya tak nafikan dulu kita pernah terlepas pandang terhadap mereka. Tapi kita tak perlu marah dengan sesiapa. Saya pun tak marah dengan masyarakat."

"Sebab itu misi kita mahu bantu masyarakat supaya lebih faham kenapa pesakit HIV tak



Ketika menghulurkan bantuan kemanusiaan di Pakistan.



MUHAMAD ABDULLAH

dulu.

"Tak banyak pengetahuan tentang penyakit ini yang saya ada. Saya macam orang lain juga, tetap ada stigma. Mahu salam pun rasa takut, rasa macam nak basuh tangan."

"Bila tengok mereka menderita dan fikir tentang nasib mereka kalau tak dibantu, rasa

patut dipinggirkan," jelasnya.

Muhamad mengaku dia juga pernah berasa takut-takut ketika berdepan dengan pesakit Aids/HIV yang ramai di awal penubuhan Darul Ukhuwah

Mereka ada perasaan, bukan robot

Menurut Muhamad penerimaan keluarga paling mendorong pesakit untuk pulih sepenuhnya.

Pun begitu dia bersyukur kerana kebanyakan penghuni gembira kerana berasa mereka disayangi dan dihargai apabila tinggal di Darul Ukhuwah walau keluarga sendiri tidak dapat menerima mereka.

Jika melihat pesakit yang pernah hidup merempat tetapi kemudiannya sihat dan pulih adalah kegembiraannya, kepiluan Muhamad

FRONTLINE® COMBO SPOT - ON CAT

- Berkesan selama 4-6 minggu
- Membunuh Pinjal, Sengkenit, dan Tungau
- Mengawal Telur dan Larva Sengkenit, Pinjal dan Kutu
- Berkesan walaupun selepas mandian

Berkesan & Tahan Lama



Talian Pertanyaan :
Tel : 03-7873 7355 Faks : 03-7873 9209
E-mel : CustomerCareline@RhoneMa.com

JIRP/P/0710/358

BACA LABEL KELUARAN SEBELUM MENGGUNAKANNYA

takut lengkap sedikit demi sedikit," katanya. Kini, Muhamad yang juga Timbalan Pengerusi 2 Yayasan Al-Ijabah lebih memberi tumpuan kepada kebajikan anak-anak yatim dan pesakit HIV di bawah yayasan tersebut berbanding menghulurkan sumbangan di luar negara seperti yang dilakukannya sebelum ini.

Antara misi dan 'gila glamor'

Misi Muhamad, walau ringkas diucap namun tidak mudah dilaksanakan.

Muhamad perlu 'menahan telinga' mendengar ungkapan sinis apabila dia membawa penghuni keluar dari rumah perlindungan untuk berdamping dengan komuniti.

"Ada yang marah saya sebab bawa pesakit HIV datang majlis mereka. Saya tak kisah. Alah bisa tegal biasa," ujarinya.

Lebih teruk lagi apabila Muhamad memberitahu dia pernah difitnah oleh penghuni yang pernah berlindung di Darul Ukhawah sendiri, juga pernah berdepan dengan konflik dalaman yang agak 'hebat'.

Muhamad juga tidak terlepas dicop sebagai 'gila glamor' oleh beberapa rakan kerana kesanggupan melakukan kerja kebajikan.

Bagi Muhamad yang tidak menjangka Darul Ukhawah akan berkembang seperti hari ini, sebaik rumah itu ditubuhkan dia hanya memikirkan tanggungjawab membantu pesakit HIV yang difatwakan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sebagai golongan Reqab.

Menganggap dirinya bersendirian pada mulanya, dia juga tidak menyangka ramai pihak menyokong dan sudi membantu termasuklah pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Majlis Aids Malaysia (MAC) dan hospital.

"Kalau betul saya nak glamor, lebih baik saya tumpu kepada kebajikan di Rumah Anak Yatim Al-Ijabah sahaja. Bantu anak yatim lebih mudah.

"Kita boleh tengok perkembangan mereka dan mereka membesar depan mata. Ada anak-anak kita yang sudah berjaya melanjutkan pelajaran di Mesir, Turki dan universiti tempatan. Itu akan lebih membuatkan saya lebih gembira dan dapat tumpang glamor," jelasnya sambil berseloroh.

tidak dapat disembunyi apabila melihat penghuninya dibuang keluarga.

Misalnya, baru-baru ini seorang penghuni meninggal dunia tetapi keluarganya langsung tidak datang menjenguk sehingga pengurusan jenazah dilakukan sepenuhnya oleh pihak Darul Ukhawah.

"Tapi tak apalah sekurang-kurangnya kita tahu di mana kubur arwah dan jenazah diuruskan ikut cara kita.

"Tahun lepas pula seorang penghuni telah beli tiket bas untuk balik beraya dengan keluarga. Bila dia telefon ke rumah, mak-ayah tak benarkan dia balik. Sebab terlalu kecewa, dia telan segenggam pil.

"Apa yang berlaku menunjukkan mereka masih ada perasaan macam kita. Mereka bukan robot. Malah saya pernah tengok mereka menangis kerana insaf, tetapi keluarga pula tak dapat menerima mereka," katanya.

2011 dan harapan

Dengan 400,000 virus yang terkandung dalam badan setiap pesakit HIV, Muhamad sering berdoa agar mereka sentiasa sihat dan dapat menjalani hidup seperti insan biasa.

Selain itu, dia bersama Pengurus Rumah Perlindungan HIV Darul Ukhawah yang juga sahabat baiknya, Khairul Azmy sentiasa mencari jalan supaya nasib pesakit HIV di negara ini terbela.

"Kita mengharapkan yang terbaik pada masa akan datang. Inshaallah, penghujung tahun ini kita akan buka rumah perlindungan khusus untuk wanita HIV sahaja yang terletak berhampiran dengan Darul Ukhawah sedia ada.

"Keputusan untuk buka rumah perlindungan untuk wanita dibuat sebab ramai wanita tak tahu ke mana mahu pergi selepas disahkan ada HIV. Kita tengok kebanyakan mereka yang ada penyakit ini sebab teraniaya kecuali pekerja seks.

"Sebuah lagi rumah perlindungan yang terletak di Puchong juga sedang dalam proses pembinaan. Kita harap ia dapat disiapkan segera kerana rumah itu mampu memuatkan lebih ramai penghuni," ucapnya penuh syukur.